

Bab Perintah Beriman Kepada Allah Ta'ala, Rasulnya S.A.W. Dan Ajaran-Ajaran Agama, Di Samping Berda'wah Kepadanya, Bertanya Tentangnya, Mengingatinya Serta Menyampaikannya Kepada Orang Yang Belum Mendengarnya.

١٤- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَدِمَ وَقَدْ عَبْدَ الْقَيْسِ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا هَذَا الْحَيَّ مِنْ رِبْعَةٍ وَقَدْ خَالَتْ بَيْنَنَا وَبَيْنَكَ كُفَّارٌ مُضَرٌّ فَلَا تَخْلُصُ إِلَيْكَ إِلَّا فِي شَهْرِ الْحَرَامِ فَمُرْنَا بِأَمْرٍ نَعْمَلُ بِهِ وَنَدْعُو إِلَيْهِ مِنْ وَرَاءِنَا قَالَ أَمُرْكُمْ بِأَرْبَعٍ وَأَنْهَأْكُمْ عَنْ أَرْبَعٍ الْإِيمَانِ بِاللَّهِ ثُمَّ فَسَّرَهَا هُمْ فَقَالَ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ وَأَنْ تُؤَدُّوا حُمْسَ مَا غَنِمْتُمْ وَأَنْهَأْكُمْ عَنِ الذَّبَاءِ وَالْحَنْتَمِ وَالنَّقِيرِ وَالْمَقِيرِ

14- Ibnu 'Abbaas meriwayatkan, katanya: "Pernah satu rombongan Abdul Qais⁶⁶ mengunjungi Rasulullah s.a.w. Kata mereka, wahai Rasulullah! Sesungguhnya kami ini suku Rabi'ah. Suku Mudhar yang masih kafir⁶⁷ berada di antara tempat kami dan tempat anda. Kerana itu kami tidak bebas mengunjungi anda (untuk mempelajari agama) kecuali pada bulan haram.⁶⁸ Berilah kepada kami tugas untuk kami laksanakan dan mengajak pula orang-orang yang yang tidak datang bersama kami turut melaksanakannya. Rasulullah s.a.w. bersabda, Aku menyuruh kamu (melakukan) empat perkara dan melarang kamu daripada empat perkara: (Pertama) Beriman kepada Allah.⁶⁹ Kemudian Baginda menghuraikannya dengan berkata: "Bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan

⁶⁶ Golongan ini tln berhijrah kepada Rasulullah s.a.w. lebih dahulu daripada anggota qabilah 'Abdul Qais yang lain. Mereka datang dengan berkenderaan seramai empat belas orang. Ada yang mengatakan mereka seramai tujuh belas orang. Mereka ialah: al-Asyajj al-'Asri sebagai ketua, Mazid bin Malik al-Muharibi, 'Ubaidah bin Hammam al-Muharibi, Shahhaar bin al-'Abbaas al-Murri, 'Amr bin Marhum al-'Asri, al-Harith bin Syu'aib al-'Asri dan al-Harith bin Jundab daripada Bani 'Aayish. Setelah diselidiki buat sekian lama, hanya itu sahaja nama-nama yang berjaya didapatkan. Menurut Qadhi 'Iyaadh, mereka pergi kepada Nabi s.a.w. pada tahun Pena'lukan Mekah iaitu pada tahun ke-8H, sebelum Rasulullah s.a.w. bertolak ke Mekah.

⁶⁷ Ini kerana mereka tinggal di Bahrain dan golongan kafir itu berada di antara tempat mereka dan Madinah.

⁶⁸ Iaitu bulan yang diharamkan padanya peperangan, pertumpahan darah dan perampasan harta benda. Yang dimaksudkan dengannya di sini ialah jenis bulan haram atau bulan Rejab. Orang-orang 'Arab semenjak zaman Jahiliyyah lagi akan menghentikan aktiviti-aktiviti seperti menyamun dan menipu bila tiba bulan haram untuk menghormatinya, kerana Allah s.w.t. telah mengharamkan peperangan pada bulan-bulan itu semenjak zaman Nabi Ibrahim a.s. lagi. Ia berterusan ke zaman awal Islam, sehinggalah turunnya ayat Saif (perang) yang mengharuskan peperangan pada bulan Rejab. Bulan-bulan yang kekal haram ialah bulan yang tiga lagi iaitu: Zulqad'ah, Zulhijjah dan Muharram. Namun ada juga ulama berpendapat, pengharaman peperangan pada bulan Rejab itu tidak pernah pun dimansuhkan sebenarnya.

⁶⁹ Iman di sini seharusnya dipakai dengan erti Islam berdasarkan hadits Jibra'il yang lalu.

Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah. (Kedua) Mendirikan sembahyang. (Ketiga) Membayar zakat dan (Keempat) Memberikan satu per lima daripada harta rampasan perang yang kamu perolehi.⁷⁰ Aku melarang kamu daripada arak yang diperbuat di dalam kulit labu kering, tempayan hijau, bekas kayu dan tempayan yang disadur dengan tar.⁷¹

١٥ - عَنْ أَبِي جَمْرَةَ قَالَ كُنْتُ أُتْرَجِمُ بَيْنَ يَدَيْ ابْنِ عَبَّاسٍ وَبَيْنَ النَّاسِ فَأَتَتْهُ امْرَأَةٌ تَسْأَلُهُ عَنْ نَبِيذِ الْجَرِّ فَقَالَ إِنَّ وَفْدَ عَبْدِ الْقَيْسِ أَتَوْا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ الْوَفْدُ أَوْ مَنْ الْقَوْمُ قَالُوا رَبِيعَةُ قَالَ مَرْحَبًا

⁷⁰ Setelah menyuruh mereka melakukan empat perkara, Nabi s.a.w. menambahkan perkara yang kelima iaitu menyerahkan seperlima harta rampasan perang kepada perbendaharaan negara. Oleh kerana mereka berada berhampiran dengan golongan kafir Mudhar, mungkin sekali mereka akan berjihad menentang golongan itu dan mendapat harta rampasan perang. Berpuasa tidak disebutkan di dalam riwayat ini kerana ada perawi yang lupa untuk menyebutnya, bukan kerana ia memang tidak disebutkan oleh Nabi s.a.w. Ini kerana puasa sudah pun difardhukan dua tahun sebelum itu. Haji pula difardhukan pada tahun kesembilan menurut sesetengah ulama.

⁷¹ Menurut Imam al-Nawawi, Nabi s.a.w. menyebut empat bekas ini secara khusus kerana isi kandungannya cepat berubah menjadi arak, lalu ia akan menjadi haram, najis dan hilang nilainya. Ia dilarang kerana takut akan merosakkan harta benda. Mungkin juga ada orang akan meminum isinya tanpa menyedarinya telah berubah menjadi arak. Baginda tidak melarang menyimpan 'nabiz' di dalam bekas kulit kerana ianya lembut dan nipis, tidak sukar untuk mengetahui adakah isi di dalamnya telah berubah menjadi arak atau belum. Selain itu, biasanya ia akan pecah apabila isinya telah berubah menjadi arak. Menurut jumhur ulama, larangan menggunakan bekas-bekas tersebut kemudiannya dimansuhkan antaranya oleh hadits berikut: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنِّي أَنْهَيْتُكُمْ عَنْ أكلِ نَبِيذِ الْخَمْرِ وَنَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزُورُوهَا فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الْآخِرَةَ وَنَهَيْتُكُمْ عَنْ كُلِّ وَغَاءٍ وَاجْتَنِبُوا كُلَّ مُسْكِرٍ وَنَهَيْتُكُمْ عَنْ أَكلِ خُومِ الْأَضْحَايِ بَعْدَ ثَلَاثِ فَلَاحُوا وَتَزَوَّدُوا وَاتَّخَرُوا دَاهِلِيَّكُمْ. Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya dahulu aku pernah melarang kamu menziarahi kubur. Pergilah berziarah kubur, krn ia mengingatkan akhirat. Aku pernah melarang kamu daripada air perahan yang diperam di dalam tempayan-tempayan (tertentu). Peramlah di dalam tempayan mana sekalipun, (tidak jadi masalah). Jauhilah segala yang memabukkan. Aku juga pernah melarang kamu daripada memakan daging-daging binatang qurban selepas tiga hari. Makanlah, berbekallah dan simpanlah (daging-daging itu). (Hadits riwayat 'Abdur Razzaaq dan Ahmad). Tetapi menurut sesetengah ulama, ia tetap terlarang. Antara tokoh yang berpendapat begitu ialah Malik, Ahmad dan Ishaq. **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Sekiranya ilmu agama tidak ada di suatu tempat, orang-orang di situ perlu bermusafir untuk mencari dan membawanya pulang ke tempatnya. (2) Ilmu agama mesti bersumberkan Allah dan RasulNya. (3) Orang-orang Islam tidak dibenarkan berperang pada bulan-bulan haram, demikianlah juga dengan orang-orang Arab pada zaman jahiliyyah. (4) Tetamu haruslah dilayan dengan baik. (5) Di dalam agama Islam terdapat suruhan dan larangan. (6) Untuk golongan yang baru menerima Islam atau baru mempelajarinya, adalah lebih elok dimulakan dengan permasalahan aqidah yang utama serta masalah halal-haram yang asas, terutamanya yang melibatkan urusan harian. (7) Sekiranya suatu perkara itu haram, apa yang membawa kepadanya serta menimbulkan selera dan minat kepadanya juga haram, atau setidak-tidaknya perlu dielakkan. (8) Arak tidak akan menjadi halal walau diperam dengan apa cara sekalipun, selagi ianya memabukkan. (9) Salah satu bentuk pendapatan kerajaan Islam ialah harta rampasan perang. (10) Orang-orang Islam yang berperang dengan orang-orang kafir dan mendapat rampasan perang daripada mereka haruslah menyerahkan satu per limanya kepada kerajaan Islam yang memerintah ketika itu.

بِالْقَوْمِ أَوْ بِالْوَفْدِ غَيْرِ حَزَانًا وَلَا نَدَامَى قَالَ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا نَأْتِيكَ مِنْ شِقَّةٍ بَعِيدَةٍ وَإِنْ بَيْنَنَا وَبَيْنَكَ هَذَا الْحَيَّ مِنْ كُفَّارٍ مُضَرٍّ وَإِنَّا لَا نَسْتَطِيعُ أَنْ نَأْتِيكَ إِلَّا فِي شَهْرِ الْحَرَامِ فَمُرْنَا بِأَمْرٍ فَصَلَّ نُخْبِرَ بِهِ مَنْ وَرَاءَنَا نَدْخُلُ بِهِ الْجَنَّةَ قَالَ فَأَمَرَهُمْ بِأَرْبَعٍ وَنَهَاهُمْ عَنْ أَرْبَعٍ قَالَ أَمَرَهُمْ بِالْإِيمَانِ بِاللَّهِ وَحْدَهُ وَقَالَ هَلْ تَذَرُونَ مَا الْإِيمَانُ بِاللَّهِ قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَصَوْمُ رَمَضَانَ وَأَنْ تُؤَدُّوا خُمُسًا مِنَ الْمَغْنَمِ وَنَهَاهُمْ عَنِ الدُّبَاءِ وَالْحَنْتَمِ وَالْمَرْفَتِ

15- Abu Jamrah meriwayatkan, katanya, dahulu aku bertugas sebagai jurubahasa Ibnu `Abbaas dengan orang ramai.⁷² Tiba-tiba ada seorang wanita datang bertanya beliau tentang ‘nabidz al-jarr’⁷³ (sejenis minuman keras). Jawab beliau, sesungguhnya rombongan Abdul Qais pernah mengunjungi Rasulullah s.a.w., Baginda s.a.w. bertanya, siapakah rombongan atau kaum itu?⁷⁴ Mereka menjawab, Rabi`ah. Baginda pun berkata, selamat datang kepada kaum atau rombongan⁷⁵ yang datang dalam keadaan tidak terhina dan menyesal. Mereka pun berkata, wahai Rasulullah, sesungguhnya kami telah menempuh satu perjalanan yang sukar lagi jauh untuk menemui anda. Di antara tempat kami dan tempat anda terdapat kawasan perkampungan golongan kafir Mudhar. Kami tidak dapat mengunjungi anda kecuali pada bulan haram, oleh itu berilah kami suatu panduan yang nyata untuk kami sampaikan kepada orang-orang yang tidak datang bersama kami, agar kami (semua) dapat memasuki syurga. Beliau (Ibnu `Abbaas) berkata, “Rasulullah s.a.w. memerintahkan kepada mereka empat perkara dan melarang mereka dari empat perkara.” beliau menyambung lagi, Baginda telah menyuruh mereka supaya beriman kepada Allah yang maha esa, lalu bertanya, tahukah kamu apa itu beriman kepada Allah? Jawab mereka, Allah dan RasulNyalah yang lebih tahu, Baginda

⁷² Ini kerana orang-orang yang menemui Ibnu `Abbaas untuk meminta fatwa dengannya itu terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa. Menurut Qadhi `Iyaadh, Abu Jamrah itu ialah seorang Parsi. Beliau menjadi jurubahasa untuk orang-orang Parsi yang datang menemui Ibnu `Abbaas. Ada juga yang mengatakan beliau menjadi jurucakap Ibnu `Abbaas untuk orang-orang yang tidak memahami kata-katanya kerana berada jauh daripadanya atau bersesak-sesak dengan orang ramai.

⁷³ Ya`ni tentang hukum halal haramnya. ‘Jarr’ ialah tempayan besar yang diperbuat daripada tembikar dan disadur dengan kaca. ‘Nabidzil jarr’ ialah nabidz kurma dan sebagainya yang diperam di dalam tempayan itu.

⁷⁴ Menurut al-Qurthubi, di sini terdapat keraguan salah seorang perawi. Menurut al-Qasthllaani pula, ini ialah keraguan Syu`bah atau salah seorang gurunya.

⁷⁵ Di sini juga terdapat keraguan perawi seperti tadi.